

PPIBKAL adakan jamuan Hari

Raya, rai hari terindah kakitangan

UB 29. 6. 2014 B2

Oleh HENRY BATING

LABUAN: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengadakansambutanHari Raya Aidilfitri kelmarin di sampingmeraihariterindah beberapa kakitangannya.

Ketua Penyelaras PPIBKAL Dr Mohd Azri Ibrahim berkata, sambutan sederhana yang diadakan di bilik mesyuarat itu juga merupakan pertemuan kalangan kakitangan sebelum menghadapi hari-hari yang padat apabila kalendar akademik bermula seminggu lagi.

"Melalui sambutan yang sederhana ini kita berharap dapat meneruskan usaha menggembangkan tenaga menyempurnakan tugas untuk universiti di samping memberi penghargaan kepada pencapaian kakitangan

kita," katanya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Siti Khatijah Johari kerana menyempurnakan pengajian doktor falsafah, kepada Hazmi Dahlan yang berangkat semula ke Mesir untuk pengajian dan kepada Siti Nurul Aisah Abd Hamid yang baru saja menempuh kehidupan berumahtangga.

Bermula 1 Sept hadapan, kalangan pelajar baharu akan mendaftarkan diri di UMSKAL dan sejurus kemudian mereka menjalani

Minggu Suai Mesra selama seminggu sebelum mengikuti kuliah di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) dan kursus teras universiti PPIB.

Kalangan pelajar di UMSKAL ditempatkan di tiga kolej kediaman melibatkan Beta, Alpha dan Mutiara. Turut mendaftar adalah sekumpulan pelajar antarabangsa yang kebanyakannya berasal dari China.



AZRI (duduk, tengah) dan Siti Khatijah (duduk, kiri) bersama sebahagian warga kerja PPIBKAL.